

Ku Lj mahu Umno bersedia

BH 24 JUN 2002
KOTA BHARU, Ahad - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata pemimpin dan ahli Umno serta rakyat Malaysia amnya, perlu bersedia menerima hakikat bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berundur apabila tiba masanya.

Bagaimanapun, beliau yakin keputusan Perdana Menteri menarik semula peletakan jawatannya itu mampu menyuntik semangat baru di kalangan ahli dan penyokong, termasuk di Kelantan.

"Dr Mahathir ialah pemim-

pin besar dan keadaan ini akan memberi kesan meluas. Saya percaya Dr Mahathir sudah lama berfikir untuk berundur dan kita perlu hormati pendiriannya kerana sesiapa juga berhak mengundur diri.

"Begitupun, sokongan terhadap Umno dan Barisan Nasional (BN) semakin meningkat dan kita harap apa yang berlaku petang semalam boleh mengukuhkan penyatuan ahli Umno di semua peringkat," katanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, petang ini.